



KURSUS KEBAJIKAN, PENJAGAAN WARGA TUA DAN KHIDMAT BANTU DI RUMAH (HOME HELP SERVICE)

anjuran

**Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia
(MAKPEM)**

**Institut Latihan MAKPEM,
No. 17, Jalan 1/48A,
Bandar Baru Sentul,
51000 Kuala Lumpur.**

**Tel : 03 - 40447640/41
HP : 010 - 2354898
Fax : 03 - 40447705**

**E-mail :
makpem@gmail.com**

**Website :
<http://www.makpem.org.my>**

Matlamat Kursus

Untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan kefahaman kepada para peserta dalam pelbagai aspek proses penuaan dari segi keperluan psikologi, biologi dan sosial; seterusnya mewujudkan sikap positif dalam penjagaan dan pengurusan warga tua.

Objektif Kursus

Pada akhir kursus peserta akan :-

- a) Mewujudkan kesedaran di kalangan mereka mengenai status dan keperluan warga tua;
- b) Memperkuatkan lagi ikatan dan fungsi keluarga ke arah keluarga bahagia;
- c) Mewujudkan kesedaran dan sikap positif terhadap warga tua;
- d) Memahami keperluan warga tua secara menyeluruh dan mengenalpasti sumber-sumber bagi memenuhi keperluan tersebut;
- e) Bertindak secara bersendirian bagi memenuhi keperluan warga tua; dan
- f) Mewujudkan kemahiran dalam pemerhatian tingkahlaku warga tua secara bersendirian dan hubungannya dengan orang lain.

Kandungan Kursus

- | | |
|--|---|
| a) Suaikenal dan Orientasi Kursus | j) Jagaan Warga Tua : Amalan dan Nilai |
| b) Proses Penuaan - Suatu Pengenalan | k) Kaunseling Untuk Warga Tua |
| c) Keperluan Warga Tua | l) Pekerjaan dan Aktiviti Sambilan |
| d) Makan dan Pemakanan Warga Tua | m) Pengalaman Dalam Penjagaan Warga Tua - Kajian dan dan Perbincangan |
| e) Peranan dan Fungsi Warga Tua Dalam Keluarga | n) Khidmat Bantuan Warga Tua Di Rumah (Home Help Services) |
| f) Kesihatan dan Keselamatan | o) Lawatan Sambil Belajar ke Rumah Seri Kenangan |
| g) Masalah Psiko-sosial | p) Perbincangan Kumpulan/Penyediaan Laporan & Pembentangan Kumpulan |
| h) Penglibatan Masyarakat | q) Penilaianan Kursus oleh Peserta |
| i) Jabatan Kebajikan Masyarakat : Perkhidmatan Untuk Warga Tua | r) Rumusan Kursus. |

Peserta

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai, kakitangan serta Sukarelawan Pertubuhan Kebajikan Sukarela, Ahli Briged Kebajikan, Ahli Lembaga Pelawat Rumah Seri Kenangan dan Kakitangan Institusi Kebajikan yang berkhidmat di dalam Institut Jagaan dan Perlindungan dan Sukarelawan yang terlibat dalam khidmat bantu warga tua di rumah.

Jangkamasa Kursus

- i) Jangkamasa setiap kursus adalah lima (5) hari termasuk kuliah-kuliah waktu malam; sekiranya perlu.
- ii) Dipecahkan kepada Bahagian 1 (2 hari) dan Bahagian 2 (3 hari). Peserta yang sama mesti mengikuti kedua-dua bahagian dan sijil penyertaan hanya akan diberi pada pada hari terakhir Bahagian 2.

Sijil

Semua peserta yang telah berjaya mengikuti semua sesi kuliah dan latihan amali akan diberi sijil penyertaan oleh Institut Latihan MAKPEM.

Kemudahan

Kursus-kursus ini akan diadakan di Institut Latihan MAKPEM, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Kemudahan makan minum dan tempat tinggal di Asrama Institut Latihan adalah disediakan.

Yuran Pendaftaran

Tiada.